

Headline	Kemampuan Najwa dipertikai		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Hip	Circulation	192,982
Page No	H1	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	673 cm ²
Journalist	Oleh Farihad Shalla Mahmud	AdValue	RM 22,697
Frequency	Daily	PR Value	RM 68,091



Kemampuan Najwa dipertikai

» Penyanyi Cinta Muka Buku bakal muncul dengan karya berbeza

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

Bukan sekali dua, tetapi kerap juga lagu ciptaan penyanyi remaja, Najwa Latif, menjadi bahan sendaan.

Semuanya bermula apabila penyanyi berasal dari Batu Pahat, Johor, ini muncul dengan *single* pertama berjudul *Cinta Muka Buku*. Meskipun mengecapi populariti secara mendadak ekoran fenomena dicetuskan lagu itu, sehingga kini kemampuan Najwa dalam bidang ciptaan tetap dipertikai. Kebanyakan lagunya yang diputarkan di corong radio kedengaran seakan sama dengan karyanya sebelum ini. Sampai bila penyanyi ini mahu kekal dengan lagu sebegini?

Bertemu penyanyi berusia 18 tahun ini ketika dia menghadiri acara *Flora Goes Red For AIDS* dan memperkenalkan dirinya sebagai Selebriti Penyokong Reben Merah (RRSS) di ibu negara malam kelmarin. Najwa menjelaskan, sudah tiba masanya untuk dia membuat perubahan terhadap lagu ciptaan sendiri.

"Saya sedar, ramai yang mempertikaikan lagu ciptaan saya selama ini. Sebagai orang baru dalam dunia seni, saya sentiasa mengambil inisiatif untuk memperbaiki diri. Untuk album kedua nanti, saya membuat sedikit perubahan yang dapat membezakan antara Najwa sekarang dengan yang terdahulu.

"Saya ada memperdengarkan lagu itu kepada beberapa teman dan mereka tidak sangka ia ciptaan saya," kata remaja ini yang bakal muncul dengan *single* terbaru berjudul *Hilang*.

Lebih selesa nyanyi lagu sendiri

Sejak pembabitannya dalam bidang muzik, Najwa juga nampaknya lebih selesa menyanyikan lagu sendiri. Adakah disebabkan terlalu lama berada

dalam zon selesa membuatkan Najwa tidak mahu menerima lagu ciptaan komposer luar?

"Tidak dinafikan ada komposer lain yang menawarkan lagu kepada saya untuk dinyanyikan, tetapi saya terpaksa tolak kerana kebanyakannya tidak sesuai dengan julat vokal saya.

"Lagi pun, terus terang saya lebih selesa menyanyikan lagu sendiri," ujar Najwa yang sering bekerjasama dengan kakaknya, Ika, dalam penghasilan lagu.

Sebar maklumat betul HIV

Kembali bergelar pelajar apabila mendaftar diri sebagai penuntut jurusan Asas Pengurusan di UNITAR, Najwa berkata, dia perlu membahagikan masa dengan bijak.

"Jadual seharian saya memang padat. Dari isnin hingga Jumaat, fokus saya hanyalah untuk pelajaran, manakala Jumaat hingga Ahad, saya akan terbahagi dengan persembahan," katanya.

Ditanya kenapa bidang pengurusan yang diambil, bukannya bidang muzik, sejajar dengan minatnya, Najwa berkata, ia memberi peluang untuknya meneruskan pengajian dalam bidang Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL).

Sementara itu, mengulas pembabitannya sebagai RRSS, Najwa menjelaskan, objektifnya adalah untuk mendekati golongan remaja serta menanamkan kefahaman mengenai HIV kepada mereka.

"Selama ini ramai yang salah faham mengenai HIV, termasuk saya sendiri. Dulu saya ingat, penyakit ini tiada penawar. Bagaimanapun, selepas menyertai RRSS, saya mula sedar dan faham lebih mendalam mengenainya.

"Sebagai selebriti, pastinya status itu memudahkan saya untuk mendekati masyarakat serta memberi penerangan secara jelas mengenai perkara berkenaan kepada mereka," kata Najwa.

Selain Najwa, dua selebriti yang turut menyertai program itu ialah penyanyi Hafiz Hamidun dan pelawak, pelakon serta pengacara, Dee.

“Sebagai orang baru dalam dunia seni, saya sentiasa mengambil inisiatif untuk memperbaiki diri. Untuk album kedua nanti, saya membuat sedikit perubahan yang dapat membezakan antara Najwa sekarang dengan yang terdahulu”

Najwa Latif,
Penyanyi



Najwa dan selebriti yang menjayakan acara *Flora Goes Red For AIDS* di ibu kota, baru-baru ini.
(FOTO MOHD AZRENJAMALUDIN/BH)